



LAPORAN CERAPAN RASMI HILAL SYAWWAL 1427 HIJRI PADA 29 RAMADHAN 1427/22 OKTOBER 2006

1. Pada 22 Oktober 2006 (Ahad) bersamaan 29 Ramadhan 1427 telah diadakan Majlis Cerapan Rasmi Hilal Syawwal bagi menetapkan tarikh permulaan hari raya puasa di Negeri Selangor. Terdapat 3 lokasi cerapan iaitu :-

- i- Bukit Malawati, Kuala Selangor
- ii- Pulau Angsa, Kuala Selangor
- iii- Bukit Jugra, Kuala Langat

2. Untuk mensabitkan anak bulan boleh kelihatan atau sebaliknya, ia bergantung kepada syarat Imkannur Rukyah yang ditetapkan iaitu :

(a) Ketika matahari terbenam:-


- i- Ketinggian (altitud) bulan tidak kurang daripada 2°

DAN

- ii- Jarak lengkung matahari ke bulan tidak kurang daripada 3°

ATAU

(b) Ketika hilal terbenam, umur hilal tidak kurang daripada 8 jam
(*umur hilal dikira daripada waktu ijtimak sehingga waktu hilal terbenam*).



Gambar menunjukkan justifikasi Imkannur Rukyah (kebolehnampakkan) hilal yang digunakan bagi menentukan awal bulan hijri.

3. Dalam menjalankan aktiviti cerapan hilal, terdapat empat (4) keadaan berbeza yang boleh berlaku pada hari rukyah iaitu:-
 - (a) Hilal belum wujud lagi kerana ijtimak masih belum berlaku.
 - (b) Hilal masih belum wujud lagi, walaupun ijtimak telah berlaku.
(tempoh masa yang singkat antara ijtimak dan terbenam matahari)
 - (c) Hilal telah berada di atas ufuk, tetapi sifat fizikalnya masih belum matang dan tidak mencapai syarat kenampakan hilal menurut Imkannur Rukyah.
 - (d) Hilal telah berada di atas ufuk dan menepati justifikasi Imkannur Rukyah.
4. Dengan merujuk kepada keadaan di atas, pada hari cerapan tersebut hilal diklasifikasikan sebagai:-
Hilal telah berada di atas ufuk, tetapi sifat fizikalnya masih belum matang dan tidak mencapai syarat kenampakan hilal menurut Imkannur Rukyah.

5. Ini berdasarkan kepada data rukyah dan maklumat cerapan daripada ketiga-tiga lokasi, pada hari rukyah iaitu 29 Ramadhan 1427 Hijri bersamaan 22 Oktober 2006 Miladi, hilal tidak menepati justifikasi Imkannur Rukyah yang telah ditetapkan. *(maklumat dan data cerapan dilampirkan.)*

6. Kesimpulannya, berdasarkan maklumat di atas, pada hari berikutnya iaitu Isnin 23 Oktober 2006 digenapkan 30 Ramadhan 1427, maka Awal Syawal jatuh pada 24 Oktober 2006 (Selasa).

Laporan di sediakan oleh,

Rizal B. Ramli
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam (S27)
Bahagian Falak Syarie
Jabatan Mufti Negeri Selangor